

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (21)

Tarikh : 17 Julai 2019

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

### SURAT PEKELILING MQA BIL. 3/2019

#### PENAMBAHBAIKAN TERHADAP STANDARD: IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, bermula daripada penguatkuasaan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (Standards: Masters and Doctoral Degree) menerusi Pekeliling MQA Bil. 1/2013 bertarikh 04 Mac 2013, beberapa pindaan telah dibuat setelah mengambil kira pandangan dan cadangan penambahbaikan daripada pihak berkepentingan. Pindaan tersebut telah dikuatkuasakan menerusi Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2013 bertarikh 19 Disember 2013, Pekeliling MQA Bil. 4/2013 bertarikh 08 November 2013 dan Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2015 bertarikh 11 Mac 2015.

3. Merujuk kepada **Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (secara penyelidikan)**, 'Bahagian 4: Pemilihan dan Khidmat Sokongan Calon' menyatakan ketetapan seperti berikut:

- (i) Tiada kemasukan terus daripada tahap Sarjana Muda ke tahap Kedoktoran.
- (ii) Calon yang berkelayakan tahap Sarjana Muda yang mendaftar untuk program tahap Sarjana (secara penyelidikan), boleh memohon untuk menukar pendaftaran pengajian ke program Kedoktoran (secara penyelidikan) dalam tempoh SATU (1) tahun selepas mendaftar program Sarjana (secara penyelidikan), tertakluk kepada ketetapan berikut:
  - (a) telah menunjukkan kompetensi dan kebolehan dalam menjalankan penyelidikan pada tahap Kedoktoran;
  - (b) penilaian dalaman yang rapi oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT); dan
  - (c) mendapat kelulusan daripada Senat PPT.

4. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPM-MQA Bil. 1/2019 bertarikh 27 Mei 2019 telah bersetuju untuk menambah baik ketetapan sedia ada dalam Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dengan memberi **opsyen tambahan, khasnya kepada graduan Sarjana Muda yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian terus ke tahap Kedoktoran (secara penyelidikan)**. Mesyuarat telah memutuskan bahawa:

- (i) PPT boleh mengambil graduan cemerlang Sarjana Muda Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) untuk kemasukan terus ke program Kedoktoran Tahap 8 MQF dengan syarat-syarat berikut:
  - (a) Pelajar memperolehi kelayakan Sarjana Muda kelas pertama atau setara; atau
  - (b) Memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.67 atau setara dengannya daripada program akademik atau program *Technical and Vocational Education and Training* (TVET); dan
  - (c) Penilaian dalaman yang rapi oleh PPT; dan
  - (d) Mendapat kelulusan daripada senat PPT dan diterima masuk sebagai *candidacy* program Kedoktoran Tahap 8 MQF. Pelajar perlu menunjukkan kemajuan yang bersesuaian semasa tempoh *candidature* tersebut.
- (ii) Pelajar perlu dimaklumkan bahawa pelajar tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana sebagai *exit award* sekiranya tidak memenuhi pencapaian pada tahap Kedoktoran.


5. Selaras dengan keputusan seperti di Perkara 4, ketetapan di Perkara 3(i) tidak lagi terpakai. Justeru, **Surat Pekeliling ini membatalkan perkara 2.A.v.a. dalam Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2015**.

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap pindaan berkuat kuasa bagi kohort pelajar baharu yang diambil mulai **01 Ogos 2019**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)**

E-mel: [rahmah@mqa.gov.my](mailto:rahmah@mqa.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
  
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
  
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
  
4. SUSK YB Menteri Pendidikan  
Pejabat Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
  
5. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
  
6. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**

7. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 4, Bangunan Canselori  
Universiti Malaysia Terengganu  
**21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**
8. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
9. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia  
**43400 SERDANG, SELANGOR**
10. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pejabat Presiden  
Universiti Multimedia  
Persiaran Multimedia  
**63100 CYBERJAYA, SELANGOR**